



# e Buletin Bil 1/2019



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAA NEGERI PULAU PINANG**



## **ISI KANDUNGAN**

• UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI	.....	01
• BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	.....	07
• BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	.....	09
• UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & INOVASI	.....	11
• BAHAGIAN PERUMAHAN	.....	15
• UNIT AUDIT DALAM	.....	16

# UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI



**Majlis Perasmian PDL-P2**  
**27 Januari 2019**  
**Bertempat di Penang Digital Library Fasa II (PDLP2)**



Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow dan turut dihadiri oleh Menteri Kewangan Malaysia dan wakil-wakil jabatan.

# UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI

**Majlis Perasmian Taman “Fountain Garden”**

**27 Januari 2019**

**Bertempat di Taman Fountain Garden**



Majlis ini dirasmikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow dan turut dihadiri oleh 30 orang yang terdiri daripada ADUN, YB SUK, Pengarah-pengarah jabatan.

# UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI

**Pembentangan Berkenaan Pelan Pengurusan Konservasi Bagi Dewan Sri Pinang**  
**11 Februari 2019**  
**Bertempat di Seri Mutiara**



Pembentangan Berkenaan Pelan Pengurusan Konservasi Bagi Dewan Sri Pinang, Pembentangan dilakukan di hadapan TYT oleh wakil daripada Think City.

# UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI



**Majlis Menandatangani Contribution Agreement antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bersama UN Habitat**

**21 Februari 2019**  
**Bertempat di Tingkat 28, KOMTAR**



Ditandatangani antara YAB Tuan Chow Kon Yeow dan wakil UN Habitat yang disaksikan oleh Datuk Bandar dan YB PKN.

# UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI

**Pembentangan Konsep Rekabentuk PIDL Kepada TYT**  
**25 Februari 2019**  
**Bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat TYT**



**Lawatan Penanda Aras dari**  
**Kolej Poly-Tech Mara**  
**5 April 2019**  
**Bertempat di Penang Digital**  
**Library (PDL)**

# UNIT PERBADANAN KETUA MENTERI

**Taklimat mengenai Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Mesyuarat Agung (AGM)**  
**Penubuhan JMB Rumah Pangsa Taman Ampang Jajar**  
**13 April 2019**  
**Rumah Pangsa Taman Ampang Jajar**



**Mesyuarat Agung Tahunan Bagi Tujuan**  
**Penubuhan Badan Pengurusan Bersama**  
**(JMB) Rumah Pangsa Taman Ampang Jajar**  
**28 April 2019**



# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

**EXPO PENDIDIKAN DAN TVET  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
BERTEMPAT DI MYDIN MALL, BUKIT MERTAJAM  
23 – 24 Mac 2019**



**EXPO KERJAYA DAN PENDIDIKAN (EKSPEN)  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TAHUN 2019  
30 – 31 MAC 2019**

Jemputan untuk mengadakan pameran/road show berkenaan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institut Pengajian Tinggi (iBITA). Pameran selama dua hari bertempat di Dewan Utama Pelajar, Universiti Sains Malaysia ini mendapat sambutan yang amat baik daripada orang ramai terutamanya pelajar-pelajar Universiti Sains Malaysia.

# BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

**Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) & Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Tahun 2018 Peringkat Negeri Pulau Pinang**  
**Bertempat di Grand Ballroom, Paras 5, The Top KOMTAR.**  
**20 April 2019**

Majlis ini adalah bertujuan untuk menyerahkan sijil dan wang tunai kepada pelajar cemerlang SPM dan STPM. Seramai 52 orang pelajar dari 18 buah sekolah dan 3 buah sekolah terbaik bagi SPM dan seramai 251 orang pelajar dari 37 buah sekolah dan 3 buah sekolah terbaik bagi STPM. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow.



# BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

## Sesi Libat Urus Sesi Libat Urus Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Data Terbuka 2019, Malaysian Government Central Data Exchange (MyGDX) Dan; Sistem Pemantauan Laman Web Dan Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan (SPLaSK) Bagi Zon Utara

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjadi hos bagi program yang telah dijalankan oleh pihak MAMPU bertempat di Penang Digital Library (PDL) pada 25 Mac 2019. Program ini turut disertai oleh jabatan/agensi negeri daripada Perlis, Kedah dan Perak.

Sesi libat urus ini adalah sebagai langkah persediaan bagi memenuhi aktiviti berkaitan pelaksanaan KPI Data Terbuka 2019 yang merangkumi 2 aspek iaitu Peningkatan Kualiti Set Data Terbuka dan Peningkatan Penggunaan Data Terbuka dalam portal Data Terbuka. Selain itu, sesi ini juga bertujuan untuk memberi penerangan tentang kepentingan perkongsian data melalui perkhidmatan yang disediakan oleh MyGDX dan kepentingan SPLaSK dalam menyediakan mekanisme pemantauan secara digital yang komprehensif.



# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & INOVASI

Communication Skills Workshop  
20-21 February 2019



Customer Care Workshop  
23-24 April 2019



Business Writing Workshop  
3-4 April 2019



Speaking & Writing Skills Workshop  
4-6 March 2019  
12-14 March 2019



# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & INOVASI

**Program Bicara Eksekutif Bil 1/2019**  
**28 Februari 2019**  
**Dewan Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Tengah**



Program Bicara Eksekutif merupakan program pembangunan korporat yang disasarkan untuk ketua ketua Jabatan dan Pegawai Pegawai Kanan Jabatan. Program ini telah dirancang dalam pelan strategik PSUKPP melalui Teras Strategik 2 Strategi 1, Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan melalui sistem komunikasi sebanyak 2 kali setahun. Dr Rizal bin Abd Bakar, Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah dijemput sebagai penceramah jemputan dengan tema " Emotional Intellingence & Self Esteem Towards An Emotionally Intelligence Employees & Clients". Tajuk ini dipilih selaras dengan penemuan melalui kajian umum yang dijalankan terhadap penjawat awam di mana simptom simptom seperti kurang fokus di tempat kerja, kelenguhan badan, insomnia mudah lupa, tekanan kerja, tidak kreatif, tidak bermaya, mengantuk ketika berkerja menunjukkan tahap pengendalian stress perlu ditingkat agar kesejaterahan minda dapat dialami dan seterusnya dapat ditingkatkan. Program ini dihadiri oleh 250 orang peserta dikalangan penjawat awam dari pelbagai Jabatan dan Agensi Negeri dan Persekutuan di Negeri Pulau Pinang.

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & INOVASI

**Penyampaian Anugerah Inovasi Ketua Menteri  
Bertempat di The Top KOMTAR**  
**07.01.2019**



Penyampaian Anugerah Inovasi Ketua Menteri ini telah diadakan di The Top KOMTAR pada 7 Januari 2019. Anugerah tersebut disampaikan melalui majlis Perhimpunan Penjawat Awam Pulau Pinang Bersama YAB. Ketua Menteri memandangkan Anugerah tersebut memberi impak yang besar kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Anugerah tersebut dimenangi oleh Perbadanan Bukit Bendera (Penang Hill) melalui projek Reducing The Cycle Time To Replace Power Pick-Up On The Funicular Coaches, To Reduced Mean Time To Repair (MTTR). T1: Double click to edit

## **Lawatan Perkongsian Ilmu Pengurusan Kualiti dari Pejabat SUK Perlis**

Lawatan Perkongsian Ilmu Pengurusan Kualiti dari Pejabat SUK Perlis telah diadakan pada 26 Februari 2019 bertempat di Auditorium F, KOMTAR. Melalui lawatan ini Para tetamu daripada SUK Perlis telah didedahkan serba sedikit mengenai keperluan standard MS ISO 9001:2015 yang baharu memandangkan pejabat SUK Pulau Pinang telahpun beralih kepada Standard pensijilan MS ISO 9001:2015 baharu. Para peserta juga mendapat serba sedikit pengkongsian ilmu berkenaan pengurusan Lean Pejabat SUK Penang dan Pengurusan Amalan 5S.



# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & INOVASI

**Bengkel Pemurnian Dan Pemantapan Dokumentasi MS ISO 9001:2015**  
**Bertempat di Hotel Sri Malaysia Kepala Batas**  
**07.03.2019 – 09.03.2019**



Bengkel Permurnian dan Pemantapan Dokumentasi MS ISO 901:2015 ini diadakan Untuk mengemaskini dan menambahbaik dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 bagi persediaan audit pemantauan yang akan datang. Bengkel ini juga dapat meningkatkan kefahaman dan memperkuuhkan pengetahuan peserta mengenai keperluan standard baharu MS ISO 9001:2015. Bengkel ini telah diadakan pada 7 Mac sehingga 9 Mac 2019 yang bertempat di Hotel Seri Malaysia Kepala Batas.

**Kursus Audit Dalaman**  
**Grand Orient Hotel, Perai**  
**18.03.2019 -20.03.2019**

Kursus Audit Dalam ini adalah kursus yang diadakan pada setiap tahun untuk pendedahan kepada auditor baharu yang dilantik bagi memudahkan proses pengauditan dalaman pejabat suk sebelum menghadapi audit sebenar MS ISO 9001:2015. Kursus ini telah diadakan di Hotel Grand Orient, Perai pada 18 Mac 2019 sehingga 20 Mac 2019. Kursus ini juga memastikan auditor yang dilantik dapat mengenal pasti setiap jabatan di SUK menepati keperluan standard baharu MS ISO 9001:2015.



# BAHAGIAN PERUMAHAN

Operasi Penguncian 11 unit PPR Rumah Pangsa Taman Manggis

6 Mac 2019

Bertempat di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Rumah Pangsa Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin



Gotong Royong Padang Tembak

27 April 2019

Bertempat Pusat Aktiviti Padang Tembak



# UNIT AUDIT DALAM

## **Majlis Bacaan Yasin Anjuran Bersama Bahagian DUN, Pengurusan Majlis, Seksyen Kewangan dan Unit Audit Dalam**

Majlis Bacaan Yasin Anjuran Bersama Bahagian DUN, Pengurusan Majlis dan Protokol, Seksyen Kewangan dan Unit Audit Dalam diadakan bagi merapatkan lagi silaturrahim diantara pegawai-pegawai tingkat 49 disamping menzahirkan rasa syukur setelah selesai kerja-kerja menaiktaraf ruangan pejabat Unit Audit Dalam, Bahagian DUN serta Bahagian Pengurusan Majlis dan Protokol. Majlis diadakan di Bilik Mesyuarat DUN pada 25 Januari 2019 pada jam 8.30 pagi.



# UNIT AUDIT DALAM

## Lawatan Unit Audit Dalam (UAD) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan Perak

Pada 19 Februari 2019, Unit Audit Dalam PSUKPP telah menerima kunjungan daripada Unit Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan Perak. Lawatan ini adalah bertujuan untuk membincangkan dan bertukar pandangan serta perkongsian ilmu berkaitan pengauditan. Antara topik yang difokuskan adalah berkaitan :

- i) Kemajuan dan tindakan untuk menyelesaikan isu-isu di dalam AG's Dashboard
- ii) Lawatan susulan ke Jabatan/Agensi yang telah diaudit
- iii) Laporan penemuan audit
- iv) Kaedah pengauditan yang berkesan
- v) Rancangan Audit Tahunan

Lawatan ini dihadiri oleh 3 orang wakil daripada UAD PSUK Perak dan 12 orang wakil daripada UAD PSUK Kedah.



# UNIT AUDIT DALAM

## **Sesi Perkongsian Ilmu Ketua Unit Audit Dalam Bersama Seksyen Kewangan, PSUKPP**

Seksyen Kewangan PSUKPP telah meminta Ketua Unit Audit Dalam untuk mengadakan satu sesi perkongsian ilmu berkaitan perolehan kerajaan pada 26 Februari 2019. Sesi Perkongsian ilmu ini diadakan di Bilik Mesyuarat Bahadian Dewan Undangan Negeri pada pukul 9.00 pagi. Sesi ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada seksyen kewangan dan Unit Audit Dalam.



## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAAN NEGERI PULAU PINANG



**Paras 25, Komtar 10503 Pulau Pinang**  
**TEL: 04-261957 / 2642020**  
**FAX: 04-2634940**